

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 OGOS 2024

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 11

Perniagaan bumiputera masih bersaiz mikro - Rafizi

Perniagaan bumiputera masih bersaiz mikro - Rafizi

PUTRAJAYA: Status sosio-ekonomi masih terperangkap dalam kelas menengah dan sederhana antara itu terus membelenggu bumiputera.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, penyertaan bumiputera juga dilihat lebih tertumpu dalam aktiviti ekonomi yang mempunyai nilai ditambah rendah.

Beliau berkata, antara faktor utama adalah berkaitan dengan ketidakupayaan bumiputera untuk menyumbang secara lebih bermakna kepada ekonomi negara selain hasrat kerajaan untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera belum tercapai sepenuhnya.

“Ia secara tidak langsung menyebabkan jurang pendapatan dan kekayaan antara etnik semakin melebar.

“Perusahaan bumiputera dilihat mempunyai kurang keupayaan dan kemampuan untuk mencipta nilai serta mengembangkan perniagaan apabila sebahagian besar daripada

perusahaan ini bersaiz mikro dan kecil.

“Keterbatasan modal dan sokongan pada peringkat awal terutama syarikat pemula, turut menjadi faktor kepada itu ini yang seterusnya menyebabkan kebergantungan berterusan kepada geran dan pembiayaan kerajaan,” katanya ketika berucap di majlis Peluncuran Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) di sini semalam.

Menurut Rafizi, bumiputera hanya mewakili tujuh peratus daripada syarikat tersenarai awam sehingga tahun 2022, iaitu 62 syarikat daripada 945 syarikat yang tersenarai dalam Bursa Malaysia.

Katanya, dalam aspek penyertaan tenaga buruh pula, kadar pengangguran dalam kalangan bumiputera masih tinggi.

Berdasarkan Laporan Survei Tenaga Buruh Malaysia 2022, bilangan bumiputera yang menganggur mewakili 387,800 orang atau 61.5 peratus daripada

jumlah keseluruhan 630,400 orang yang menganggur.

“Sebanyak 70.8 peratus bumiputera yang menganggur adalah daripada kumpulan belia yang berumur antara 15 hingga 30 tahun.

“Bumiputera mempunyai peluang dan potensi untuk memainkan peranan yang lebih bermakna dalam sektor dan industri baharu yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, termasuk Industri Pertumbuhan Bernilai Tinggi (HGV).

“Hari ini kita akan berpeluang untuk diperkenalkan dengan hala tuju baharu pembangunan ekonomi bumiputera, (PuTERA35) sebagai satu langkah proaktif untuk mengangkat darjah dan martabat bumiputera.

“Pelan ini menggagaskan tiga teras yang sejajar dengan Ekonomi Madani iaitu pertama, memperkuuh pasak ekonomi negara; kedua, memperkuuh kerukunan tatakelola dan institusi dan ketiga, menegakkan keadilan sosial,” katanya.